



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH - Rencana			
TARIKH	:	29/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN – GTD 2021			

Misi pulihara 'pak belang' perlu pelan tindakan baharu lebih teliti

BH(Rencana), 29
Jul 2021, 12



Pensyarah Kanan Sosiso-Perundangan dan Sains Kelestarian di Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM)

Oleh Dr Mohd Istajib Mokhtar
bhrencana@bh.com.my

Harimau Malaya atau nama saintifiknya *Panthera Tigris Jacksoni*, ialah subspesies harimau belang yang terdapat di hutan Semenanjung terutama di Pahang, Perak, Terengganu dan Kelantan.

Harimau Malaya atau lebih mesra dipanggil 'pak belang' begitu sinonim dengan masyarakat Malaysia tanpa mengira usia yang menganggapnya sebagai haiwan gagah dan berani. Jika tersilap langkah, pemangsa liar ini akan mengancam nyawa manusia.

Disebabkan harimau ini begitu ikonik sejak dahulu dan dihiikayatkan dalam cerita rakyat, tidak hairanlah darjat harimau Malaya diangkat menjadi simbol signifikan kepada negara hingga tersemat di jata sebagai lambang keberanian.

Ironinya kini, harimau Malaya menjadi haiwan lemah, takut dan diancam kehidupannya. Di seluruh dunia, terdapat tiga subspesies harimau belang pupus, manakala sembilan lagi dalam keadaan sangat terancam.

Sekitar 2018, hasil Tinjauan Harimau Kebangsaan di plot kajian habitat harimau menunjukkan bilangan direkodkan adalah kurang 200 ekor berbanding kajian ilmiah pada 1950-an yang menyatakan jumlahnya mencecah 3,000 ekor.

Data ini amat membimbangkan dan jika tiada inisiatif drastik mengawal penurunan populasi ini, jangkaan dalam tempoh lima hingga 10 tahun Malaysia akan kehilangan spesies ini buat selamanya.

Terdapat sekurang-kurangnya tujuh punca harimau Malaya menjadi semakin terancam.

- Kehilangan habitat hutan - Ia menjadi faktor utama mengancam populasi harimau. Hutan berperanan sebagai 'koridor, dapur dan bilik tidur.' Degradasi hutan menyebabkan dapurnya kekurangan makanan.

- Fragmentasi hutan pula menyebabkan bilik tidur dan koridornya musnah serta digantikan lebuhraya sehingga sukar berjumpa 'jodoh' serta melahirkan penyambung zuriatnya.

- Pemburuan haram - walaupun harimau Malaya hidupan liar dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), pemburu haram tempatan dan luar negara tetap dengan perbuatan haramnya.

- Menyeludup masuk hutan secara haram, memasang perangkap secara haram seterusnya

nya menjual kuku, taring, kulit dan dagingnya secara haram demi mendapat keuntungan haram.

- Kekurangan sumber makanan - kehilangan hutan dan pemburuan haram turut menjejaskan sumber makanan. Harimau semakin sukar memburu, terpaksa berjalan lebih jauh.

Keadaan ini membuatnya terdedah dan mudah dijumpai pemburu haram ketika dalam keadaan lapar serta lemah. Malah, pemburu haram dan harimau saling bersaing memburu makanan kegemaran masing-masing seperti babi hutan, kijang, rusa serta landuk.

- Perdagangan hidupan liar - manusia tidak lagi takut dimakan harimau di hutan, tetapi harimau 'ketakutan' dijadikan makanan eksotik manusia. Sebenarnya pemburuan haram terus berlaku walaupun pelbagai sekatan dilakukan kerana permintaan dan harganya amat lumayan.

Maka, pemburu sanggup lakukan apa saja demi keuntungan. Tulang, darah dan organ seksnya menjadi bahan dagangan di pasar eksotik, dibuat tangkal serta ubat kuat.

- Konflik harimau dan manusia - apabila bertembung keutamaan antara nyawa manusia dengan haiwan yang sedang bergelut, tidak dapat tidak, nyawa manusia perlu diutamakan untuk diselamatkan

sekali pun puncanya adalah salah manusia.

Manusia memusnahkan rumahnya. Apabila harimau mencari-cari 'rumahnya' sehingga tiba di rumah manusia, maka yang bersalah dan dihukum mati tetap harimau Malaya.

- Perubahan iklim - perubahan iklim menjadikan kediaman harimau lebih panas dan kering. Keadaan ini menyebabkan harimau terpaksa berpindah-randah mencari tempat lebih selesa.

Namun, ia berdepan dengan risiko di tempat baharu seperti kekurangan makanan dan meningkatkan lagi konflik manusia-harimau.

- Kurang kesedaran - perlindungan hidupan liar agak sukar untuk mendapatkan kesedaran dan penyertaan orang awam berbanding hidupan peliharaan. Ini kerana mereka tidak merasakan hubungan langsung dengan isu kepupusan haiwan liar.

Namun, kesedaran dan ilmu berkaitan ekologi dan tingkah laku harimau sangat perlu difahami agar dapat mengurangkan konflik manusia-harimau.

Antara punca lain termasuk kelemahan penguatkuasaan dan keberkesanan kempen. Namun, sebenarnya pihak berwajib sudah tidak menang tangan menjalankan pelbagai usaha.

Sudah beratus ribu operasi dan usaha konservasi dilakukan secara bersepadu dan berkala, sudah berpuluh ribu program kesedaran awam dijalankan, sudah beribu jerat dimusnahkan dan beratus pemburu haram ditangkap atas kesalahan jenayah.

Bagaimanapun, Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (2008-2020) menyasarkan 1,000 harimau menjelang 2020 nampaknya tersasar. Pelan tindakan baharu wajar dilaksanakan dengan lebih teliti.

Barangkali iltizam politik perlu disuntik. Namun, siapakah sudi menjadi juara? Jika konservasi harimau dimasukkan dalam manifesto, siapa pula yang akan mengundi?


Ternyata usaha ini amat sukar. Bersempena dengan Hari Harimau Antarabangsa disambut hari ini, muhasabah terbaik adalah, apakah peranan dan sumbangan kita setakat ini?

Jangan nanti generasi akan datang tidak memahami peribahasa 'harimau mati meninggalkan belang' kerana ternyata harimau kini kehilangan belangnya.

Realitinya, harimau adalah hidupan liar lemah dan kelaparan, hidup dalam ketakutan diburu pemburu atau sekadar haiwan pasif di zoo.

Jangan pula akhirnya nanti hanya ingat harimau Malaya sebagai pasukan bola sepak negara semamata, tanpa mengetahui siapa pemilik sebenar dan asal nama.

Bersempena dengan Hari Harimau Antarabangsa disambut hari ini, muhasabah terbaik adalah, apakah peranan dan sumbangan kita setakat ini?



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia